

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!



VOLUME 1
ASAS UNTUK MENJADI BOSS YANG
AWESOME

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

15 RAHSIA YANG WAJIB DIKETAHUI OLEH:

- SUPERVISOR
- LINE LEADER
- MANAGER
- KETUA JABATAN
- BUSINESS OWNER
- ATAU SESIAPA SAHAJA YANG ADA STAFF DI BAWAH MEREKA!

ANDA MAHU JADI BOSS YANG DI HORMATI, DISEGANI DAN DIHARGAI? ANDA MAHU JADI BOSS YANG AWESOME? DI SUKAI OLEH PIHAK ATASAN DAN JUGA PEKERJA ANDA?

Anda rasa pekerja anda tidak memahami anda?

Pekerja anda suka melawan atau sukar menerima arahan?

Pekerja anda mengambil sikap sambil lewa dalam tugas?

Anda rasa mereka "boycott" anda secara senyap atau halus?

Anda mahu jadi boss yang disegani, dihargai dan dihormati?

Antara dilema anda sebagai boss adalah pekerja tidak menyukai anda, tidak menghormati anda, rakan sekerja cemburu dengan anda, dan pekerja tidak melakukan apa yang anda suruh dan ada masa, siap tarik muka lagi, macam mereka pula boss.

Kami tahu, ramai antara anda stress sebab pekerja susah nak dengar cakap, tak ikut arahan dan selalu ikut kepala mereka .

Adakala anda hampir give up, dan kalau boleh buat semua kerja sendiri je, ibarat harapkan pagar, pagar makan padi.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

TENTANG E-BOOK INI

Teknik yang akan kami kongsikan dalam E-Book ini telah mengubah hidup ramai orang menjadi lebih hebat dan luar biasa. Ada yang mendapat kenaikan pangkat setelah 3 bulan mengamalkan 15 rahsia ini. Ada juga yang berjaya menawan hati pekerja yang selama ini tidak suka dan benci pada mereka.

E-Book ini kami keluarkan KHAS untuk anda yang ingin tahu Rahsia menjadi seorang bos yang disegani disukai dihormati dan dihargai oleh pekerja anda, majikan anda dan juga pelanggan anda. Bila anda dapat mengawal pekerja anda, anda mampu mengawal hasil kerja mereka dan anda akan dapat keputusan yang anda mahukan.

Sejak 2012 kami telah membantu ribuan leader, supervisor, ketua jabatan, HOD, pengurus, dalam menjadi seorang boss yang awesome.

Antaranya dari jabatan kerajaan seperti jabatan perdana Menteri, pengurusan syarikat GLC, pengurus bank, doktor, atlet kebangsaan, majlis sukan negara, jurulatih kebangsaan dan juga ramai lagi.

Kini kami mahu membantu anda pula di luar sana untuk menjadi bos yang hebat!

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

TAHUKAH ANDA?

7 daripada 10 boss tension dan stress disebabkan pekerja bawahan mereka?

3 daripada 10 boss hilang pekerjaan mereka atau diturunkan pangkat sebab kena "game" dengan pekerja mereka.

6 daripada 10 boss lelaki mula hisap rokok sebaik ada orang bekerja di bawah mereka.

4 daripada 10 boss wanita mula menjadi serabut sebaik ada orang bekerja di bawah mereka.

APAKAH PUNCANYA?

Kerana pekerja tidak melihat anda sebagai seorang idola, yang patut dihormati atau disegani.

Kerana pekerja melihat anda sebagai boss yang tak boleh pakai.

Kerana pekerja melihat anda sebagai boss hanya sebagai buat syarat.

Mereka sedikit pun tidak peduli sakit hati dan sakit kepala anda.

APAKAH RAHSIA JADI SEORANG BOSS YANG DISEGANI, DISUKAI & DIHORMATI?



15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

1. BERSIKAP ADIL



Seorang pemimpin yang besikap adil sangat diperlukan dalam menjayakan sesebuah organisasi. Menjadi seorang ketua anda tidak boleh bersikap memilih kasih kerana semua pekerja mempunyai hak yang sama. Bukanlah layanan istemewa yang diperlukan oleh seorang pekerja tetapi setiap arahan dan keputusan yang dibuat boss perlulah adil dan saksama kepada semua pekerja.

Sebagai ketua, anda harus berhati-hati sebab kalau anda pilih kasih terhadap sesetengah pekerja nanti silap hari bulan anda kena 'tikam belakang' pula daripada pekerja lain.

Akibatnya, produktiviti menurun, KPI tidak tercapai, anda dimarahi oleh pihak atasan kerana tidak mampu mencapai matlamat organisasi dan pekerja pula tidak "happy" dan tidak memberikan yang terbaik.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

2. SENTIASA MENDENGAR TANPA PREJUDIS



Apabila anda berada di posisi yang berpangkat tinggi, janganlah pula anda memandang rendah atau remeh terhadap **pandangan pekerja bawahan**. Sesekali anda harus bersikap terbuka untuk mendengar pandangan mereka kerana pekerja bawahan inilah yang telah banyak menggerakkan segala polisi yang ditetapkan oleh organisasi.

Anda sebagai pemimpin tak sepatutnya mendengar hanya pandangan orang-orang tertentu sahaja sebab mungkin individu-individu tersebut adalah '**kaki bodek**' yang cemerlang.

Kajian telah membuktikan, 78% daripada idea-idea cemerlang yang menjayakan sesebuah Organisasi datangnya daripada pekerja-pekerja bawahan.

Ini adalah kerana, pekerja bawahan adalah mereka yang sentiasa "hands-on" dalam setiap proses dan mereka tahu selok-belok yang mampu membina atau membinasakan sesebuah Organisasi.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

3. MENJADI CONTOH YANG BAIK



Sebagai ketua yang berkredibiliti kalau anda mahu pekerja menjadi seperti apa yang anda mahukan, mulalah dengan diri sendiri terlebih dahulu. Kalau orang-orang dahulu selalu menggunakan pepatah ini 'cakap biar serupa bikin' Apa yang anda katakan mestilah seiring dengan apa yang akan anda lakukan.

Sebagai contoh anda mahukan pekerja anda sentiasa menepati masa dalam segala urusan pekerjaan. Sebagai "boss" anda yang harus memberi contoh kepada para pekerja yang anda sendiri punya kualiti diri yang mantap dalam penjagaan waktu.

Untuk menjadi Boss yang hebat, anda tidak perlu menjadi pakar dalam kerja tapi pakar dalam menunjukkan contoh yang baik dari segi integriti, disiplin, karakter, personaliti, etika dan budaya kerja.

Jika nak tahu kenapa Organisasi itu cemerlang, lihatlah ketuanya, dan jika nak tahu kenapa Organisasi itu gagal, lihatlah ketuanya.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

4. BERINTEGRITI DAN BOLEH DIPERCAYAI



Mengikut Kamus Dwibahasa DBP maksud integriti ialah kejujuran dan ketulusan; kesempurnaan; keutuhan. Integriti adalah sifat jati diri seseorang yang merangkumi juga sikap-sikap seperti keikhlasan, keterbukaan, ketulusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakapnya dan lain-lain.

Anda sebagai boss sangatlah diharapkan oleh setiap pekerja untuk mempunyai integriti yang tinggi dalam membuat keputusan.

Sebagai contoh, ketua tidak mahu pekerja mengambil rasuah, tetapi beliau berbuat sebaliknya. Hal ini sangat menjengkelkan kerana bagi pandangan pekerja, *"bos boleh buat, takkan pekerja tidak boleh"*.

Pekerja juga mahukan seorang boss yang boleh dipercayai baik dari segi kerja ataupun peribadi. Banyak Organisasi menderita kerana Boss yang dipercayai oleh pekerja sama ada melalui janji manis atau pun rahsia peribadi telah dianinya.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

5. PANDAI BERKOMUNIKASI



Seorang Boss yang hebat adalah seorang yang sangat tegas dalam kata-kata, pandai memilih perkataan yang sesuai untuk digunakan pada waktu yang sesuai. Anda sebagai Boss harus pastikan tidak "spoil" mood pekerja anda kerana ini akan menyebabkan pekerja hilang mood dan tidak produktif.

Walau setinggi mana pendidikan anda, jika anda tidak pandai mengambil hati, menyampaikan arahan dan berkomunikasi dengan baik, kerjaya anda akan tersekat separuh jalan, silap-silap mungkin diturunkan pangkat.

Kajian telah menunjukkan, skil yang paling penting diperlukan untuk berjaya dalam kerjaya adalah skil komunikasi, malah 80% waktu kerja kita dihabiskan untuk berkomunikasi dengan orang lain baik melalui whatsapp, email, meeting, dan perlbagai cara lain. Persoalannya, adakah bila pekerja mendengar sesuatu daripada anda, adakah ianya memberi inspirasi, mencetuskan semangat atau membuat mereka hilang semangat untuk bekerja?

Skil paling penting dalam komunikasi adalah kemampuan untuk diam dan dengar apa kata orang atau pekerja bawahan. Bila kita bercakap, kita hanya mengulang apa yang kita tahu, tapi bila kita mendengar, kita mungkin belajar perkara baru yang kita tidak tahu.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

6. PANDAI BERGAYA



Satu daripada kriteria paling penting untuk menjadi Boss yang dihormati dan segani adalah Penampilan. Penampilan adalah satu komunikasi Non-Verbal yang sangat penting dalam kerjaya hari ini.

Penampilan mencerminkan keperibadian seseorang dan penampilan juga menentukan sejauh mana seseorang itu menghormati kerjanya dan orang yang dia bertemu dalam waktu kerja. Cuba bayangkan anda berpakaian selekeh atau biasa-biasa sewaktu berurusan dengan orang bawahan, tapi bila perlu bertemu dengan orang atasan atau VIP, anda bertukar pakaian. Itu menunjukkan anda seorang yang munafik dan hanya melayan orang mengikut kepentingan sendiri.

Penampilan juga menentukan sejauh mana orang percaya kata-kata yang keluar dari mulut anda. Kajian telah membuktikan, hujah daripada orang yang berpenampilan segak di terima mudah berbanding dengan hujah yang sama tetapi berpenampilan yang sederhana.

UNTUNG KALAU ANDA BERGAYA, SILAP-SILAP CEPAT NAIK PANGKAT DAN DISUKAI CUSTOMER, PIHAK ATASAN DAN RAKAN SEKERJA.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

7. TAHU KEKUATAN ORANG BAWAH / PEKERJANYA



Bayangkan Cristiano Ronaldo bermain sebagai penjaga gol.

Jika anda adalah pengurus pasukan, adakah anda akan suruh CR7 bermain sebagai penjaga gol atau penyerang? **Sudah pasti penyerang kan?**

Begitu juga sebagai Boss, anda harus tahu kekuatan setiap pekerja anda, supaya anda tidak akan suruh penyerang untuk menjaga gol dan pemain pertahanan untuk menjadi penyerang.

Bukan mereka tidak boleh main di posisi baru, cuma keputusannya nanti tidak seperti yang anda mahukan.

Ibarat nak makan lemang, tapi lemang tak masak. Frust dari pagi sampai ke malam dan anda pula di marahi oleh pihak atasaran ataupun customer.

Ingat! Boss yang bagus akan meluangkan masa mengenali kekuatan dan kelemahan setiap pekerja di bawah jagaan mereka.

Anda harus kenal VAK (teknik pembelajaran), minat, personaliti dan lain lain perkara tentang pekerja anda. Kami akan kongsikan pada anda di E-Book yang akan datang cara anda mengenalpasti kekuatan pekerja anda supaya matlamat anda tercapai.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

8. PERTAHANKAN ORANG BAWAH ANDA



Anda sebagai Boss harus pastikan pekerja anda berasa selamat apabila mereka bekerja di bawah jagaan anda. Selamat bermaksud baik dari segi risiko bahaya kerja, serangan peribadi ataupun atas alasan kerja oleh pekerja lain atau jabatan lain dan juga mungkin gangguan seksual.

Pekerja yang berasa selamat di bawah jagaan anda, akan memberikan lebih daripada apa yang dibayar pada mereka dan tidak akan berkira dalam membantu anda dalam kerja.

Jika pekerja anda melakukan kesilapan, JANGAN SESEKALI memarahi mereka di khalayak ramai ataupun di hadapan jabatan lain. Sentiasa menegur secara one to one supaya anda sebagai boss menjaga aib mereka.

Anda jaga aib pekerja anda, pekerja anda akan jaga periuk nasi anda sampai ke hujung nyawa mereka.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

9. SENTIASA PERAMAH DAN CERIA



Anda sebagai boss adalah tunjang utama **MOOD** dan **KECERIAAN** di tempat kerja. Ianya berpunca daripada anda, baik yang baik ataupun yang tidak berapa baik.

Ceria pun kerana anda, suram pun kerana anda. Anda puncanya sebagai seorang Boss.

Ramai Boss melakukan kesilapan di mana meraka beranggapan bersifat tegas, bermasam muka dan garang akan membentuk suasana kerja yang produktif, ini salah **SALAH!** Tidak salah untuk bersikap begitu bila kena pada masanya, contoh jika pekerja anda melakukan kesilapan tapi jangan berpanjangan dan sampai tempias terkena pekerja yang tidak bersalah.

Sentiasa tegur pekerja anda setiap pagi dan sebelum balik, kerana anda harus ingat, ada di antara mereka hadir ke kerja demi anda walaupun mereka ada 1001 masalah, seperti anda juga.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

10. TIDAK MALU MEMINTA TOLONG ATAU PANDANGAN



Antara kesilapan utama dilakukan oleh boss-boss adalah mereka takut, malu atau ego untuk meminta tolong dari orang bawahan mereka. Anda sebagai boss kadang risau, adakah anda akan ditertawakan oleh pekerja anda jika anda meminta tolong daripada mereka.

Pekerja lebih suka dan hormat anda jika anda bersikap terbuka dan berterus terang kepada mereka. Lagipun, jika anda ada semua jawapanya, kenapa anda perlukan mereka, betul kan?

Cuma, jika anda bertanyakan pandangan atau meminta tolong daripada mereka, jelaskan kepada mereka kenapa anda tanyakan supaya mudah untuk mereka membantu anda. Contoh, jika anda mahu pekerja anda membelikan pen untuk anda, beritahu dia yang anda mahukan pen untuk sign dokumen penting ataupun buku cek. Sudah semesti dia akan belikan pen dakwat basah, dan bukannya pen biasa.

Bila anda meminta tolong, jangan sesekali meminta dengan menggunakan kuasa anda, silap haribulan kena sabotaj dan anda mungkin kehilangan jawatan ataupun bisnes anda akan lingkup.

Ingin, pekerja anda pun teringin membantu anda jika anda datang pada mereka dan meminta tolong dengan ikhlas. Kalau tak percaya, cuba try test.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

11. TIDAK MELAGAKAN PEKERJA ANDA



Adakalanya pekerja anda mungkin akan datang mengadu kepada anda tentang rakan sekerja yang lain. Anda sebagai boss harus peka dan pandai dalam menangani situasi sebegini.

Mungkin pekerja yang mengadu itu berkata benar, tapi jangan sesekali anda menjadi batu api untuk merebakkan lagi api kemarahan dalam diri mereka berdua.

Akibatnya nanti anda sendiri yang merana kerana banyak kerja yang akan terjejas kerana konflik antara pekerja.

Ada sesetengah boss beranggapan, apabila mereka mengapikan lagi konflik, mereka boleh menjadi hero dan kononnya tempat pekerja mengadu dan bergantung. Ini adalah SALAH!

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

12. MEMIMPIN DARIPADA BELAKANG



LEADING FROM BEHIND

Jika anda mahu menjadi boss yang dihormati dan dipercayai, anda boleh mula amalkan konsep kepimpinan leading from behind atau memimpin dari belakang?

Apa maksud memimpin dari belakang? Bukannya suruh pekerja buat kerja dan anda menyorok di belakang mereka, tidak benar.

Maksudnya, apabila pekerja anda tidak tahu atau tidak pasti bagaimana sesuatu perkara atau kerja harus dilakukan, anda menyuruh mereka untuk mencuba dan berkata kepada mereka - "TAKPE CUBA, KALAU SALAH SAYA TANGGUNG, JUST DO YOUR BEST". Ini adalah ciri seorang pemimpin yang memimpin dari belakang. Pekerja akan memberi yang terbaik kerana dia tahu boss dia akan back up dia, dan pada masa yang sama dia akan pastikan tiada kesilapan kerana tahu boss dia percayakan dia.

Bila pekerja anda tahu yang anda menjadi back up mereka, mereka akan berikan lebih daripada yang sepatutnya kerana kepercayaan yang anda letakkan ke atas mereka.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

13. MEMIMPIN DARIPADA HADAPAN



Jika anda seorang boss yang bagus dari segi teknikal ataupun pengetahuan kerja, anda boleh memimpin pasukan anda daripada hadapan.

Sebagai seorang boss yang hebat dalam skil, anda barangkali akan berhadapan dengan cabaran di mana pekerja anda tidak sehebat dari segi pengetahuan kerja. Apabila mereka datang kepada anda, anda ada dua pilihan sama ada untuk merungut kerana mereka tidak pandai atau menunjukkan mereka cara yang betul.

Ini akan membuatkan mereka melihat anda sebagai seorang role model dan akan cuba belajar untuk menjadi seperti anda dan mencontohi diri anda.

Apabila pekerja melihat anda sebagai role model, mereka secara tidak langsung akan menghormati kata-kata anda kerana mereka tahu anda bukan cakap kosong.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

14. MEMBERI PUJIAN DAN MENGAMBIL TANGGUNGJAWAB



Seorang boss yang awesome akan sentiasa memberikan kredit atau pujian kepada pekerjanya apabila berlaku perkara yang bagus seperti mencapai objektif ataupun apa saja perkara yang baik untuk organisasi.


Dan pada masa yang sama, boss yang awesome akan mengambil tanggungjawab di atas bahunya jika sesuatu perkara yang kurang baik berlaku dalam organisasi dan tidak akan menyalahkan orang lain.

Seorang boss yang berakhlak dan beradab adalah 1000 kali lebih hebat daripada seorang boss yang beragama, bependidikan, berpengetahuan tetapi tiada akhlak dan adab dan selalu mencuri pujian atau kredit milik pekerjanya.

Ramai boss yang melakukan kesilapan di mana kalau benda baik boss dapat nama tapi bila benda kurang baik, boss salahkan pekerja untuk menyelamatkan periuk nasi sendiri. Ini asalah SALAH!

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

15. JANGAN BERHENTI BELAJAR



Seorang Boss yang hebat akan sentiasa meluangkan masa untuk belajar perkara baru seperti yang mampu menaikkan nilai dirinya.

Apabila pekerja bawahan melihat anda sebagai boss tidak pernah penat belajar perkara baru, mereka juga akan terinspirasi dan mengikut jejak langkah anda dalam belajar perkara baru.

Bayangkan seluruh pekerja di dalam organisasi atau jabatan anda sentiasa menaikkan nilai dan pengetahuan mereka, pasti anda sebagai boss dan pasukan anda akan cemerlang dalam menghadapi apa saja situasi.

A good leader always learn to improve,
a bad leader always find mistakes to save himself.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

MUTIARA KATA

"Seorang pemimpin mampu menyentuh hati orang lain sebelum meminta mereka melakukan sesuatu."

- John Maxwell

Anda harus menjadi peribadi yang baik. Anda harus mampu mendekati orang lain sehingga mereka boleh menyukai anda dan menghormati anda. Apabila hal ini sudah anda lakukan, meminta mereka untuk melakukan sesuatu akan sangat mudah bagi anda. Hasil yang diberikan pun tentunya akan lebih baik kerana mereka ikhlas dan semangat dalam menjalankannya.



"Pemimpin tidak memaksa orang lain untuk mengikutinya – dia mengundang orang untuk ikut perjalannya." – Charles Lauer

Anda harus tahu bahwa seorang pemimpin yang baik tidak pernah melakukan suatu pemaksaan. Janganlah memaksa orang lain untuk mengikuti anda. Cukup mengundangnya saja untuk mengikuti perjalanan anda. Selebihnya, serahkan padanya tentang pilihan ingin ikut dengan anda atau tidak. Kebebasan ini akan mendorong diri anda menjadi pemimpin yang baik.

15 RAHSIA Untuk Jadi BOSS Yang AWESOME Di Tempat Kerja!

ANDA MAHU BELI E-BOOK KAMI YANG LAIN?

<https://www.danieyaenergy.com/product-category/e-book/>

UNTUK PENGETAHUAN LANJUT, LAYARI KAMI DI:



DANIEYA ENERGY
LIKE | FOLLOW | SUBSCRIBE
US ON OUR



DANIEYA ENERGY



DANIEYA_ENERGY



DANIEYA ENERGY



WWW.DANIEYAENERGY.COM